

Headline	Tarif baharu elektrik Januari 2014		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	4
ArticleSize	256 cm ²	Journalist	NORUTUL ILHAM
PR Value	RM 9,762		



Tarif baharu elektrik Januari 2014

NORUTUL ILHAM MAD JARI

KUALA LUMPUR - Berkuat kuasa Januari 2014, kadar purata tarif elektrik di Semenanjung akan dinaikkan sebanyak 15 peratus dan 17 peratus bagi Sabah dan Labuan.

Kenaikan itu diumumkan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili yang menyifatkan tindakan itu sebagai langkah rasionalisasi subsidi yang dilaksanakan kerajaan.

"Kadar purata tarif elektrik di Semenanjung akan dinaikkan sebanyak 4.99 sen/kwj (14.89 peratus) daripada kadar purata semasa 33.54 sen/kwj kepada 38.53 sen/kwj.

"Manakala bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan, kadar purata tarif elektrik akan dinaikkan sebanyak 5 sen/kwj (peningkatan sebanyak 16.9 peratus) daripada kadar semasa iaitu 29.52 sen/kwj kepada 34.52 sen/kwj," katanya ketika sidang media di lobi Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Bagaimanapun katanya, susulan kenaikan itu, kerajaan tetap prihatin dengan meneruskan penyaluran pemberian subsidi.

"Sebagaimana yang dilaksanakan di Semenanjung, kerajaan akan terus memberi subsidi sebanyak 33.09 sen/kwj (186 peratus daripada purata tarif 0-200 kwj/sebulan di Sabah dan WP Labuan.

"Kerajaan juga akan memberi subsidi ini kepada pengguna domestik dalam lingkungan 201-300 kwj/sebulan, sebanyak 30.04 sen/kwj (ataupun 144 peratus daripada purata tarif 201-300 kwj/sebulan di Sabah)," katanya.


Oleh itu, 70.67 peratus atau 4.56 juta daripada keseluruhan 6.45 juta pengguna domestik di Semenanjung dan 62 peratus atau 260,000 daripada 418,000 pengguna domestik di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, yang menggunakan elektrik pada kadar 300 KWJ dan ke bawah, tidak terlibat dengan semakan itu.

Dalam pada itu, beliau berkata rasional tindakan itu adalah untuk mengukuhkan kewangan negara dan ke arah penetapan harga gas berasaskan mekanisme harga pasaran.

"Penstrukturan tarif ini adalah diperlukan untuk mengimbangi jurang yang kian meningkat di antara kos pembekalan elektrik dengan kadar tarif sedia ada agar Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dapat terus membekalkan elektrik yang berdaya harap di Sabah dan Sarawak.

"Kadar purata tarif elektrik semasa, iaitu 29.52 sen/kwj, hanya mampu menampung 80 peratus daripada kos operasi SESB dan tidak mencerminkan kos pembekalan sebenar SESB, iaitu pada kadar 43.46 sen/kwj.

"Kadar tarif elektrik SESB yang rendah menjadi faktor penghalang kepada usaha untuk mempertingkatkan tahap kualiti pembekalan elektrik di Sabah," katanya.



Tarif baharu elektrik berkuatkuasa pada Januari 2014.